

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 April 2017

SOALAN

Dato' Indera Hoh Khai Mun minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah daftar kanak-kanak bagi pesalah jenayah terhadap kanak-kanak akan diselaraskan dengan pesalah jenayah seksual yang berada bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin dan memandang serius mengenai keselamatan kanak-kanak di negara ini. Bagi memastikan keselamatan kanak-kanak terus dipertingkatkan, Kerajaan juga menyediakan satu pangkalan data yang dikenali sebagai Daftar Kanak-Kanak yang diperluaskan penggunaannya. Daftar Kanak-Kanak yang dikendalikan oleh JKJ di bawah Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 yang mana terdahulunya di bawah Akta Ibu hanya menyenaraikan kanak-kanak yang menjadi mangsa (memerlukan perlindungan dan pemeliharaan), kini telah mula menyenaraikan nama pesalah yang disabitkan dengan kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Maklumat mengenai pesalah ini disalurkan oleh Polis DiRaja Malaysia dan Mahkamah kepada JKJ yang mana berfungsi sebagai pendekatan secara 'preventive' bagi mengurangkan risiko kanak-kanak terdedah kepada pesalah jenayah yang mana mangsanya sebelum ini adalah kanak-kanak.

